

Rabu, Apr 11 2018

'PAC tak kait Najib dengan isu 1MDB'

➔ Veteran DAP ulangi laporan tak tuding jari kepada PM

Oleh Hidir Reduan
cnews@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

Ahli politik veteran DAP, Dr Tan Seng Giaw, mengulangi pendirian Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) tidak mengaitkan Datuk Seri Najib Razak dalam isu syarikat pelaburan strategik, 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

Bekas Timbalan Pengerusi

PAC itu menegaskan, laporan setebal 106 muka surat berkenaan tidak pernah menuding jari kepada Perdana Menteri dalam salah laku 1MDB.

Ditanya sama ada laporan PAC menyentuh Najib, beliau menjawab: "Ta tidak dinyatakan."

Perlu kemuka bukti

"Mengikut prinsip undang-undang negara, kita perlu mengemukakan bukti untuk menunjukkan seseorang terbabit dalam salah laku."

"Mengikut prinsip pengasingan kuasa antara eksekutif, pentadbiran dan undang-undang, hanya hakim mahkamah boleh membuat keputusan, sama ada seseorang itu didapati bersalah atau tidak. Itu bukan hak saya atau anda," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau turut mengkritik se-

setengah pihak yang disifatkan hanya bergantung kepada laporan portal dalam talian, *Sarawak Report*, berhubung bukti yang menuding kepada Najib kononnya terbabit dalam isu 1MDB.

"Persepsi bukanlah bukti. Mengikut prinsip undang-undang, seseorang tidak bersalah sehingga dibuktikan sebaliknya."

"Dalam terma undang-undang, individu perlu disiasat dengan lebih lanjut untuk mengetahui perkara yang berlaku. Kita tidak boleh hanya menyatakan Najib bersalah," katanya.

Pada 8 April 2006, Dr Tan dilaporkan berkata, Najib tidak seharusnya dipertanggungjawabkan dalam isu 1MDB kerana Perdana Menteri tidak terbabit secara langsung dalam pengurusan syarikat pelaburan strategik itu.



Mengikut prinsip pengasingan kuasa antara eksekutif, pentadbiran dan undang-undang, hanya hakim mahkamah boleh membuat keputusan, sama ada seseorang itu didapati bersalah atau tidak. Itu bukan hak saya atau anda"

Tan Seng Giaw,
Bekas Timbalan
Pengerusi PAC